

# KENYATAAN MEDIA

## KOMEN BAJET 2017 MENTERI KERJA RAYA, DATO' SRI FADILLAH YUSOF

Bajet 2017 yang bertemakan “Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh” bersifat menyeluruh dan menyentuh semua lapisan masyarakat serta mengambilkira semua projek kecil, sederhana dan besar. Bajet 2017 jelas meneruskan pendekatan yang sangat dekat di hati rakyat, inklusif dan mengambilkira keadaan ekonomi dunia.

Kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan dengan kerajaan akan terus komited melaksanakan projek dan program Rakyat Centric di bandar dan luar bandar, seperti pemasangan 97 ribu lampu jalan dan 3 ribu lampu LED di persimpangan jalan meliputi 7,500 kampung di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Begitu juga peruntukan RM1.2 bilion untuk membina dan menaiktaraf 616 kilometer jalan kampung dan jambatan bagi meningkatkan jaringan perhubungan kampung, pekan dan bandar.

Peruntukan RM4.6 bilion ringgit yang disediakan kepada semua negeri di bawah Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia atau MARRIS, bagi menyelenggara jalan negeri, membuktikan kerajaan terus komited dalam menyediakan sistem jaringan jalan raya yang lebih baik, selesa dan selamat untuk pengguna. Begitu juga pengumuman bagi

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  [Kementerian Kerja Raya](#) |  [@MOWorks](#) |  [Pro@kk.gov.my](mailto:Pro@kk.gov.my)

membangunkan semula 120 sekolah daif – 60 di Semenanjung, 30 di Sarawak dan 30 di Sabah menggunakan Industrialised Building System serta menaiktaraf 1,800 makmal sains dengan peruntukan RM570 juta, di samping menyiapkan pembinaan 227 sekolah, termasuk 8 sekolah baharu dengan peruntukan RM478 juta. Bagi memastikan lebih ramai penjawat awam dapat memiliki rumah sebanyak 30 ribu unit lagi Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia akan disiapkan dengan harga jualan sekurang-kurangnya 20 peratus di bawah harga pasaran, iaitu antara RM90 ribu hingga RM300 ribu.

Bagi Kementerian Kerja Raya (KKR), kita amat bersyukur, berpuas hati dan berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di atas peruntukan berjumlah RM5.8 bilion yang diperuntukan untuk kementerian dalam Bajet 2017. Jumlah ini terdiri daripada RM0.964 bilion untuk belanja mengurus manakala untuk pembangunan diperuntukan sebanyak RM4.896 bilion.

Kementerian juga amat berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang turut meluluskan sejumlah RM29 juta bagi menaik taraf sistem perparitan dan pembinaan *overhead motorcycle ramp* di Lebuhraya Persekutuan. Ini membuktikan betapa pucuk kepimpinan negara mendengar keluhan semua lapisan rakyat termasuklah penunggang motosikal di negara ini.

Manakala untuk subsidi yang merangkumi bahan api termasuk gas memasak, pampasan tol dan pengangkutan awam sebanyak RM10 bilion telah diperuntukkan. Bagi merangsang pelaburan swasta, projek-projek infra yang akan dilaksanakan termasuk menaiktaraf Jalan Lok Kawi-Pengalat-Papar Sabah, Jalan Kampung Keruak-G.Musang-K.Berang dan membina Jambatan Batang Lupa.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Ini jelas menunjukkan keperluan infrastruktur tetap diberi keutamaan ke arah kesejahteraan rakyat. Bajet yang diumumkan bagi pembangunan infrastruktur akan menyediakan asas untuk pembangunan ekonomi jangka masa panjang dan peningkatan kualiti hidup rakyat seterusnya menghasilkan limpahan pembangunan ke semua wilayah serta meningkatkan taraf hidup rakyat termasuk di luar bandar.

Pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo juga akan terus dipergiatkan seperti yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang pastinya memberikan limpahan ekonomi besar kepada rakyat terutama penduduk di kawasan sekitar di Sabah dan Sarawak khususnya. LPB akan terus menjadi agenda utama serta pemangkin dan pelengkap kepada perancangan Kerajaan bagi Sabah dan Sarawak.

**MENTERI KERJA RAYA**  
**21 OKTOBER 2016**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  [Kementerian Kerja Raya](#) |  [@MOWorks](#) |  [Pro@kk.gov.my](mailto:Pro@kk.gov.my)